


TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara literal bermaksud tanggungjawab, keterjaminan, jaminan kolektif dan usahasama. Secara umum, takaful adalah berasaskan pertolongan bersama (Ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip kesepakatan dan solidariti, merangkumi unsur-unsur perlindungan dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada satu dana yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, sumbangan peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami direka untuk memberikan ketenangan minda anda.

** Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan patuh Syariah.*

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Ekuiti Dinasti (Dana) bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal jangka panjang dengan melabur di dalam pelaburan patuh Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.
Strategi & Pendekatan Pelaburan	Dana bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam sebuah skim pelaburan kolektif Islam (Dana Sasaran) yang bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur terutamanya di dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang berpangkalan di rantau Greater China yang berpotensi menawarkan nilai jangka panjang yang menarik. Dana Sasaran akan melabur di pasaran di mana pihak berkuasa pengawal selia adalah ahli Organisasi Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). Pasaran di mana Dana Sasaran akan melabur termasuk China, Hong Kong dan Taiwan. Dana Sasaran juga akan melabur dalam saham syarikat patuh Syariah yang tersenarai di Malaysia, Singapura dan Amerika Syarikat, di mana syarikat tersebut mempunyai pendedahan kepada rantau Greater China. Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, kaedah dan kedudukan. Peruntukan kepada, atau Dana Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana. <i>Nota: Rujuk kepada pernyataan tambahan untuk butiran Dana Sasaran.</i>
Peruntukan Aset	• Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana Sasaran; dan • Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan di dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.
Tanda Aras Prestasi	Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones <i>Maklumat lanjut mengenai Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones boleh didapati daripada laman web S&P Dow Jones Indices, www.spindices.com.</i>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K))

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Yuran & Caj	
Caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset	1.50% setahun
Caj-caj Lain	Termasuk: • Yuran audit • Caj lain yang dibenarkan

Penyataan Tambahan untuk Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti disalurkan ke dalam Eastspring Investments Dinasti Equity Fund, yang diuruskan oleh Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (Pengurus Dana Sasaran).

Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset sebanyak 1.50% pada peringkat Dana dan tiada caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset pada peringkat Dana Sasaran.

Prestasi Dana

Sejarah Prestasi Dana untuk Takafulink Dana Ekuiti Dinasti adalah seperti berikut:

Tahun	Prestasi Sebenar	Tanda Aras^^
2025	11.45%	16.70%
2024	4.00%	6.14%
2023	(3.90%)	0.73%
2022	(26.73%)	(25.56%)
2021	(10.57%)	(11.47%)
2020	37.13%	45.57%
2019	24.24%	23.09%
2018	(16.83%)	(16.12%)
2017	33.66%	30.21%
2016	9.49%	8.51%

^^ Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Prestasi Dana

Sejarah Prestasi Dana untuk Dana Sasaran, Eastspring Investments Dinasti Equity Fund adalah seperti berikut:

Tahun	2025	2024	2023	2022	2021
Prestasi Bersih	12.45%	3.31%	(4.66%)	(28.65%)	(11.38%)
Tahun	2020	2019	2018	2017	2016
Prestasi Bersih	38.40%	24.74%	(17.99%)	34.25%	9.85%

Prestasi dikira pada NAV[#] (tahun *n*-1) hingga NAV[#] (tahun *n*) dengan pendapatan kasar atau dividen yang dilaburkan semula.

[#] NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Eastspring Investments Dinasti Equity Fund.

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

^{*} NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata, bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

Faktor Risiko & Strategi Pengurusan Risiko

Sila rujuk Lampiran 1 untuk Faktor Risiko dan Strategi Pengurusan Risiko yang terperinci.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Maklumat Lain	
Pasaran Sasaran	Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi dan jangka masa pelaburan yang panjang serta ingin mempunyai pendedahan pelaburan ke rantau Greater China.
Asas & Kekerapan Penilaian Unit	• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari. • Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset sandaran Dana, perbelanjaan bersih dan dibahagikan mengikut bilangan unit yang dikeluarkan. • Nilai Dana ialah nilai semua aset dana Takafulink tertentu selepas ditolak perbelanjaan untuk mengurus, memperoleh, menyelenggara dan menilai aset dana tersebut, cukai (jika ada) atau levi berkanun lain yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal ke atas aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau jangkaan. • Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya. • Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan. • Tarikh penilaian ialah tarikh seperti yang ditentukan oleh PruBSN dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit. • Harga unit Dana akan dinilai pada akhir setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian), Bagaimanapun, oleh kerana nilai pelaburan Dana semasa akhir Tarikh Penilaian berkaitan hanya akan diketahui pada hari perniagaan seterusnya, penentuan harga unit Dana untuk Tarikh Penilaian berkenaan hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan selepas 2 hari perniagaan seterusnya (T+2).

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Maklumat Lain	
Keadaan Pengecualian	• PruBSN boleh menggantung harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, mahupun beralih kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah, misalnya intervensi yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin dimaklumkan kepada Peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut. • PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sijil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan kepada Dana Sasaran tersebut. <i>Senarai keadaan pengecualian di atas adalah tidak lengkap, sila rujuk dokumen sijil anda untuk butiran lanjut.</i>

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Maklumat Mengenai Dana Sasaran

Eastspring Investments Dinasti Equity Fund

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran ini bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur terutamanya dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang beroperasi di rantau Greater China yang berpotensi menawarkan nilai menarik jangka panjang. Dana Sasaran akan melabur dalam pasaran di mana pihak berkuasa kawal selia adalah ahli IOSCO. Pasaran di mana Dana Sasaran akan melabur termasuk China, Hong Kong dan Taiwan. Dana Sasaran juga akan melabur dalam saham syarikat patuh Syariah yang tersenarai di Malaysia, Singapura dan Amerika Syarikat, di mana syarikat tersebut mempunyai pendedahan kepada rantau Greater China. Dana Sasaran ini akan menggunakan pendekatan pelaburan bawah ke atas yang mematuhi Syariah tanpa kekangan penanda aras.

Dana Sasaran boleh mengurangkan potensi risiko penurunan ekuiti dengan melabur baki NAV Dana Sasaran yang tidak dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti yang berkaitan ekuiti patuh Syariah ke dalam instrumen kewangan Islam yang termasuk tetapi tidak terhad kepada sukur dan aset cair Islam.

Dana Sasaran akan melabur dalam sukur dengan penarafan kredit minimum AA3 atau P2 oleh RAM, atau penarafan yang setaraf oleh mana-mana agensi penarafan domestik lain. Sekiranya penarafan kredit sukur diturunkan oleh agensi penarafan, Pengurus Dana Sasaran akan melupuskan pelaburan terbabit di pasaran.

Dana Sasaran diuruskan secara aktif. Bagaimanapun, kekerapan aktiviti dagangan akan bergantung kepada peluang pasaran dan penilaian oleh Pengurus Dana Sasaran.

Nota: Pengurus Dana Sasaran telah memperoleh lesen yang diperlukan sebelum melabur dalam sekuriti patuh Syariah yang disebut harga di bursa Greater China yang diiktiraf, antaranya, Republik Rakyat China dan Taiwan.

Maklumat lanjut mengenai Dana Sasaran boleh didapati daripada <https://www.eastspring.com/my/>.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejenjnya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188

E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my

*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.
Terbitan Mei 2026.*